



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 30 MEI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PERSATUAN PENTERNAK GESA SEMAK MAKANISME SUBSIDI DIESEL BERSASAR, NASIONAL, BH -6 PETANI KECIL LINGKUP TANPA SUBSIDI DIESEL, KOLUMNIS, HAKAKAH -H13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3.	KEMPEN SETIAP KELUARGA TANAM SATU POKOK, DARUL NAIM, HAKAKAH -H20	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4.	SEKAT BAUNG EKOR MERAH DI PERAIRAN, LOKAL, HM -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	JPS SELESAI MASALAH ENAPAN SALIRAN, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8. 9. 10.	PENDUDUK GORENG IKAN KELISA BERNILAI RM10,000, NEGARA, KOSMO -16 PETANI DIGALAK GUNA BAJA ORGANIK, TIMUR, HAKAKAH -16 MARITIM MALAYSIA TEMUKAN 765kg DAGING PENYU SALAI UNTUK DISELUDUP KE LUAR NEGARA, KUDAT, SH -23 'PESTA' TANGKAP IKAN KELISA SESAT, KLUANG, SH -23 ABOUT....RAWAI FISHING?, NATION, THE STAR -10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Persatuan penternak gesa semak mekanisme subsidi diesel bersasar

FLFAM bimbang pengusaha jana kuasa, traktor di ladang tak dapat insentif

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) meminta kerajaan menimbang semula mekanisme subsidi diesel bersasar sebelum pelaksanaannya.

FLFAM membangkitkan kebimbangan penternak menggunakan jana kuasa dan traktor di ladang yang mana tidak akan menikmati subsidi diesel.

Penasihat FLFAM, Datuk Jeffrey Ng, berkata sekiranya subsidi diesel bersasar dilaksanakan tanpa mengambil kira kebim-

ngan yang dihadapi petani kecil, kerajaan perlu bersedia dengan kenaikan harga barang.

Katanya, ketika ini Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SK-DS) hanya diberikan kepada kederaan pengangkutan yang layak dan lori rigid kumbang haiwan.

"Bagaimanapun pada masa sama, kebanyakan ladang ayam menggunakan peralatan jana kuasa dan traktor untuk operasi harian, namun pembelian diesel bagi alat berkenaan adalah mengikut pasaran terbuka.

"Sehubungan itu, kami berharap kerajaan dapat mempertimbangkan permasalahan dihadapi dan mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Jika tidak kami memohon harga siling bagi ayam dan telur dimansuhkan bagi membolehkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan petan-

Jika tidak kami memohon supaya harga siling bagi ayam dan telur dimansuhkan bagi membolehkan kos tambahan dipindahkan kepada pengguna



Jeffrey Ng,
Penasihat FLFAM

akuakultur yang layak boleh mendaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro.

Kemuka segera permohonan

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, pemilik kenderaan diesel bagi tujuan mengangkut barang perlu mengemukakan segera permohonan mendapatkan *lettercard* agar boleh terus menikmati subsidi bahan api.

Katanya ia akan diselenggarakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Jeffrey berkata, antara syarat layak permohonan subsidi BUDI Agri-Komoditi adalah pengusaha pertanian kecil yang aktif menjual hasil pertanian tahunan dari RM50,000 hingga RM300,000.

Bagaimanapun katanya, kebanyakannya penternak memperoleh hasil jualan melebihi RM300,000. Oleh itu, mereka tidak layak untuk menerima subsidi.

"Pada masa sama, petani kecil turut terbeban dengan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), di mana pengangkutan barang bagi setiap metrik tan akan dikenakan caj tambahan RM2 hingga RM3.

"Kami terpaksa menanggung kos berkenaan, namun pada masa sama perlu mengesahkan harga barangan tanpa memindahkan kos kepada pelanggan. Perkara ini sangat membebankan," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua

Pelaksanaan subsidi diesel bersasar

Penerima BUDI Agri-Komoditi
Bantuan tunai bulanan RM200

Petani kecil

Tanaman

Akuakultur

Sawit

Getah

Koko

Lada

Kenaf

Pelamin kecil di Semenanjung Malaysia yang berdaftar dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perdagangan dan Komoditi (KPK)

Pesawat dan kapal terbang tidak layak untuk menerima subsidi diesel pertama

Jenis-jenis kenderaan yang layak menerima SKDS (Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi)

Bas sekolah

Kereta sewa

Bas ekspres

Teksi

Bas henti-henti

Van & Lori Mayat

Bas Mihi

Bas Pengantara

Ambulans

Bomba

Lori rigid (curtain sider)

Lori katering makanan

Lori rigid (hasil pertanian)

Lori tangki rigid (minuman)

Lori rigid (kandang haiwan)

Lori rigid (kombinaasi)

Lori rigid (open platform)

Lori rigid (perkhidmatan bergerak)

Lori rigid (sampah)

Van perkhidmatan bergerak

Bas katering makanan

Van katering makanan

Semi (van panel)

subsidi dan bantuan itu dilaksanakan secara sistematis dan tiada mana-mana penerima yang layak akan tercicil.

"Kami berharap supaya tiada birokrasi dan mereka yang sudah mendaftar dalam PADU tidak terganggu...Jalan indah khair daripada rupa," katanya.

Persatuan Penaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP), Datuk Mohamad Abdullah, berkata pihaknya menghargai usaha kerajaan dalam membantu meringankan beban penaja dan peniaga.

Bagaimanapun, Mohamad berkata, beliau berharap pemberian

30/5/2024

HARAKAH

KOLUMNIS

H13

Petani kecil lingkup tanpa subsidi diesel



CELARU. Sebelum ini rakyat diminta dafar dengan Pangkalan Data Utama (PADU). Sistem itu diuar-urkan akan memastikan orang tua-tua tidak terlepas menerima bantuan subsidi diesel. Namun, petani sawah padi yang tidak mempunyai obrolidnya untuk menyediakan pangkalan data utama negara. Tujuannya bagi penghasilan analitik berkala dan digitalisasi tanpa ketirisan.

Madan pada 20 Mac lepas ada ke-100 orang petani yang datang untuk mengemukakan maklumat dalam sistem PADU akan terdahir menerima bantuan dan subsidi kerajaan.

Anuaran itu disuarakan Tumbukan Menteri Ekonomi Hanifah Hajar Taib di Dewar Rakyat. Pada masa itu, beliau berkata, petani kecil yang mempunyai lesen diesel tidak dapat mendaftar Program Bantuan Subsidi Madan (Budi Madan) untuk memohon sumbangan tunai kerajaan.

Maknanya rakyat kena dafar lagi. Seumpama lagi lagi. "Alamak Raya Daud lagi," kata Hanifah. Beliau berkata, petani kecil dan pekebun kecil komoditi di Semenanjung kena daftar dengan Budi Madan.

Kementerian Kewangan menaklukkan pemilik kenderaan diesel peribadi. Beliau berkata, petani kecil yang mempunyai lesen diesel tidak dapat mendaftar Program Bantuan Subsidi Madan (Budi Madan) untuk memohon sumbangan tunai kerajaan.

"Petani yang layak akan disalurkan Budi Madan sebanyak RM200 setahun untuk membiayai pengeluaran subsidi pertanian," kata Menteri Pertanian dan Kementeri-an Perikanan, Datuk Seri Annuar Shaari. Beliau berkata, petani kecil yang mempunyai lesen diesel tidak dapat mendaftar Program Bantuan Subsidi Madan (Budi Madan) untuk memohon sumbangan tunai kerajaan.

"Kena dafar dahulu dengan Kementerian Pertanian dan Kementeri-an Perikanan. Daftar lagi sekali," kata Menteri Pertanian dan Kementeri-an Perikanan, Datuk Seri Annuar Shaari. Beliau berkata, petani kecil yang mempunyai lesen diesel tidak dapat mendaftar Program Bantuan Subsidi Madan (Budi Madan) untuk memohon sumbangan tunai kerajaan.

RM200 setahun

Ophe Kito pun penting. Cukup ke subsidi RM200 setahun bagi petani kecil untuk mengangkat sayur ke pasar. Petani kampung hanya ada

anak lori usang, sudah tentu "menelan" kos diesel begitu banyak.

Subsidi sekadar RM200 hanya sedikit empat kali ia minyak, itu pun sekali sahaja. Petani kampung yang mempunyai petani mengangkat sayur ke pasar.

Bukanlah angkat sayur empat kali sebulan. Tanpa subsidi diesel, petani tidak mampu hidupkan enjin lori. Kesannya bukan sekadar harga sayur meningkat, sebaliknya petani kecil yang mengangkat sayur ke pasar.

Kita boleh lihat, kenderaan diesel mengangkat sayur atau ternakan di mana sahaja. Di Lojing, Gua Musang dan Cameron Highland ditemui banyak kenderaan pacuan empat roda mengangkat sayur.

Ada jenis Toyota Hilux atau Land Rover yang dinaiki petani. Itu menelan liter diesel yang banyak.

Sebelum ini kerajaan mengumumkan subsidi diesel untuk 10 jenis kenderaan pengangkutan awam. Selain itu 23 jenis kenderaan pengangkutan awam yang dinaiki petani. Itu Diesel Berasubsi (SKDS).

Penyasaran subsidi diesel

Kata Menteri Perdana, penyasaran subsidi diesel, kerajaan dapat berfikir sekitar RM4 bilion. Tidak. Ankeran Madan itu melekatkan.

Ankeran Madan itu melekatkan. Sedangkan, ramai penganalisis ekonomi melihat pengurangan subsidi diesel berpotensi menyebabkan berlaku kenaikan kos pengeluaran.

Kata Dr Anuar Shaari, pengurangan subsidi akan memberi kesan kepada golongan petani kecil yang mempunyai lesen diesel tidak dapat mendaftar Program Bantuan Subsidi Madan (Budi Madan) untuk memohon sumbangan tunai kerajaan.

"Golongan T20 yang berpendapatan RM12,000 setahun tinggal di bandar besar terpaksa kerana ditolak pelbagai pinjaman dan uliti hanya tinggal gaji sekitar RM4,000 setahun," kata beliau.

Bagi petani dan pekebun kecil mereka kena mohon subsidi melalui BUDI Agri-Komoditi.

"Kena dafar dahulu dengan Kementerian Pertanian dan Kementeri-an Perikanan. Daftar lagi sekali," kata Menteri Pertanian dan Kementeri-an Perikanan, Datuk Seri Annuar Shaari.

Lagi satu, petani disyarat berpendapatan sekurang-kurangnya RM4,166 sebulan baru layak dapat subsidi. Betul kah begitu.

Afhan keliru slapa sebenarnya yang dapat manfaat besar daripada penyasaran subsidi. Tawar besar ada di kampung.

Sebelum ini, petani mengangkat indeks harga beras dan gandum menurut sejak Ogos 2023, namun beras di Malaysia masih harga di paras kayangan.

Kempen setiap keluarga tanam satu pokok

BACHOK: Program Apo Kobar Pok Tani (KAPOK) menerapkan ilmu pertanian dan kempen menanam pokok sekurang-kurangnya satu pokok setiap keluarga.

Manakala Program Diskusi Organik Al-Falah merupakan platform bagi memberi kesedaran dan dialog bersama petani berkenaan potensi pertanian secara organik.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, perkongsian ilmu dan pelbagai input penting bersama masyarakat

diadakan melalui program santai.

"Program berkala itu dianjurkan Kementerian Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dan Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd," katanya ketika merasmikan program terabit di Pusat Khidmat DUN (PKD) Jelawat baru-baru ini.

Turut hadir Adun Jelawat Zameri Mat Nawang, wakil Jabatan Pertanian Bachok dan NGO KITABINA.

Seramai 100 peserta menyertai Diskusi Organik Al-Falah sempena program terabit. Setiap peserta juga diberi anak pokok rambutan, jambu batu dan baja organik.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyampaikan benih pokok buah-buahan kepada seorang petani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/5/2024	HARIAN METRO	LOKAL	17

Sekat baung ekor merah di perairan

Ipoh: Jabatan Perikanan Negeri Perak memandang serius ancaman ikan asing mengganggu habitat spesies ikan asli di perairan umum seperti sungai dan tasik di negeri ini.

Pengarahnya Mohd Ghazali A Manap berkata usaha bagi menyekat dan mengurangkan kehadiran ikan asing khususnya baung ekor merah dan ikan tombot atau bandaraya sentiasa menjadi keutamaan jabatan itu.

Beliau berkata populasi baung ekor merah membiak dengan pantas dan menjadi ikan pemangsa yang mengganggu keseluruhan rantaian makanan, selain bersaing untuk ruang serta makanan dengan ikan spesies asli.

“Baung ekor merah atau nama saintifiknya *Hemibagrus wyckioides* dikesan memasuki perairan umum sejak Mac 2021 dan mengikut rekod, sebanyak 12.29 tan ikan itu

berjaya didaratkan oleh nelayan darat.

“Pada tahun ini setakat April lepas, lebih 2.01 tan spesies ikan terbabit telah berjaya direkodkan selain inventori juga menjumpai baung ekor merah ini telah sampai ke perairan Sungai Perak di Perak Tengah dan daerah berdekatan,” katanya.

Pada 29 Mac 2021, dianggarkan 250 sangkar sebuah syarikat penternakan ikan di Teluk Intan pecah akibat arus deras Sungai Perak, sekali gus menyebabkan beratus ribu ikan pelbagai jenis seperti tilapia merah, patin, baung dan jelawat putih serta 30 tan metrik ikan baung ekor merah terlepas ke perairan umum.

Mohd Ghazali berkata tiada lagi pengusaha ternakan baung ekor merah direkodkan jabatan itu di seluruh Perak sama ada secara haram mahupun yang memohon kebenaran menternak ikan itu.

30/5/2024

KOSMO

NEGARA

15

JPS selesai masalah enapan saliran

ALOR SETAR – Lembaga Kema-
juan Pertanian Muda (MADA)
meminta Jabatan Pengairan dan
Saliran (JPS) menyelesaikan
masalah saliran di Kampung Alor
Ali dan Kampung Tok Pauh un-
tuk menyelesaikan masalah 20
petani di situ.

Menurut MADA, JPS perlu
melaksanakan kerja-kerja cucian
berat, membuang enapan serta
membina ban di Sungai Pendang

bermula dari Aquaduct Tanah
Merah hingga ke Sungai Kedah
sepanjang 23 kilometer.

"Selain itu, masalah ini dapat
diselesaikan dengan membina
struktur *Drainage End Control* di
hujung Alor Mengkuang ke Sun-
gai Pendang dan stesen pam sa-
liran di hujung Alor Mengkuang
ke Sungai Pendang.

"Kami amat prihatin terhadap
permasalahan yang dihadapi

oleh peladang-peladang di Kam-
pung Alor Ali dan Kampung Tok
Pauh tersebut. Sehubungan itu,
kerjasama JPS diharapkan dapat
menyelesaikan isu itu," katanya.

Kelmarin Kosmo melaporkan
keluhan 20 petani di Kampung
Alor Ali dan Kampung Tok Pauh
di Pendang yang kerugian apabi-
la bendang mereka digenangi air
dan ditumbuhi kangkung ekoran
sungai yang cetek di kawasan itu.

'Kami mahu tanam padi bukan kangkung'



PENDANG – Petani di Kam-
pung Alor Ali dan Kampung Tok
Pauh meminta Jabatan Pengairan
dan Saliran (JPS) menyelesaikan
masalah saliran di Kampung Alor
Ali dan Kampung Tok Pauh un-
tuk menyelesaikan masalah 20
petani di situ.

Menurut MADA, JPS perlu
melaksanakan kerja-kerja cucian
berat, membuang enapan serta
membina ban di Sungai Pendang

KERATAN
Kosmo 127
Mei 2024.

Ratusan kelisa terlepas dari kolam takungan yang pecah

Penduduk goreng ikan kelisa bernilai RM10,000

Oleh ADNAN IBRAHIM

KLUANG – Penduduk di Kampung Tengah, Renggam dekat sini mendapat rezeki terpijak dan boleh dianggap paling bertuah selepas menikmati hidangan ikan goreng bernilai kira-kira RM10,000 seekor.

Ini selepas mereka menangkap ikan kelisa peliharaan yang terlepas dari kolam takungan yang pecah dan memasuki parit di kampung berkenaan untuk dijadikan lauk.

Seorang penduduk, A. Sani Palal, 49, berkata, ratusan ikan kelisa terlepas dalam kejadian kira-kira pukul 2 petang itu menjadikan kawasan di kampung itu diserbu penduduk dan warga asing yang tinggal berdekatan untuk menangkap ikan berkenaan.

Katanya, saiz setiap ekor ikan antara 2 hingga 5 kilogram itu terlepas dari kolam dan ia kali pertama berlaku sejak kewujudan perusahaan membela ikan berharta tinggi itu.

“Ikan harga RM10,000 digoreng? Memang bertuah orang Kampung Tengah,” katanya.

Sebelum itu, tular sejak semalam orang ramai menangkap



BEBERAPA ekor ikan kelisa memasuki parit selepas terlepas dari kolam takungan yang pecah di Kampung Tengah, Renggam, Kluang semalam.

ikan kelisa dalam laman sesawang Facebook selain gambar ikan kelisa yang siap digoreng.

Sementara itu, seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Fateha, 35, berkata, tidak semua ikan yang terlepas itu dapat ditangkap oleh orang

kampung kerana masih berada dalam kolam takungan atau berenang ke sungai berhampiran.

“Bukan senang nak dapat makan ikan semahal itu dan ia boleh dianggap sebagai rezeki terpijak penduduk kampung,” katanya.

HIDANGAN ikan kelisa goreng yang dikongsi dalam laman sosial.

Kemarau, pokok durian belanda tak berbuah

PASIR MAS – Cuaca panas yang melanda negeri ini sejak sebulan lalu menyebabkan tanaman pokok durian belanda milik pekebun di Kampung Bechah Menerong, Bunut Susu di sini kering dan tidak berbuah.

Pekebun, Nordin Daud, 61, berkata, sebanyak 300 pokok durian belanda di kebunnya sudah tidak mengeluarkan hasil sejak tiga bulan lalu.

“Sebelum ini, dua minggu sekali saya akan petik buah durian belanda dan hasilnya mampu mencecah 30 kilogram.

“Kali ini tiada hasil langsung. Jika berbuah, tanaman itu tidak menjadi dan tidak boleh dijual,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, dia yang mengusahakan tanaman durian belanda bersama sepupunya, Zakaria Abu Bakar, 73, sejak lapan tahun lalu mengakui musim kemarau kali ini antara yang paling teruk kerana tanamannya tidak mampu menghasilkan buah kerana kekurangan air.

Katanya, kebun durian belanda memerlukan sumber air yang mencukupi, tetapi kawasan ini



ZAKARIA menunjukkan pokok durian belanda di kebunnya yang tidak mengeluarkan buah ekoran cuaca panas di Kampung Bechah Menerong, Pasir Mas semalam. – ROHANA ISMAIL

sudah kering-kontang.

“Tanaman durian belanda sebenarnya tidak cerewet dan mudah dijaga. Keadaan yang

berlaku ketika ini adalah banyak tanaman yang mati,” ujarnya. Nordin yang merupakan pesara kerajaan berkata, sukar

“

Tanaman durian belanda sebenarnya tidak cerewet dan mudah dijaga. Keadaan yang berlaku ketika ini adalah banyak tanaman mati.”

ZAKARIA

untuk menyelamatkan tanaman berkenaan kerana semua sumber air telaga di kawasan berhampiran sudah hampir kering.

Menurutnya, dia tetap reda apabila diuji dengan kemarau panjang pada kali ini.

Terdahulu, Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) dalam kenyataan memaklumkan, dua daerah di Kelantan melibatkan Pasir Mas dan Kuala Krai dijangka menerima cuaca panas tahap dua dengan suhu maksimum harian mencecah 37 hingga 40 darjah Celsius.

30/5/2024

HARAKAH

TIMUR

16



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail bersama peserta program Apo Kobar Pok Tani.

Petani digalak guna baja organik

BACHOK: Kerajaan negeri menggalakan petani di Kelantan memperluaskan penggunaan baja organik bagi mengurangkan kebergantungan kepada input pertanian yang diimport.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, bagi merealisasikan hasrat itu kerajaan negeri menjalin kerjasama pemain utama pertanian organik termasuk NGO Kitabina.

Katanya, Jabatan Pertanian, Kelantan Biotech Corporation, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dan Kitabina sering menganjur program diskusi dan dialog bagi pemerksaan pertanian organik.

"Kerajaan negeri juga menganjur pro-

gram Apo Kobar Pok Tani (KAPOK) dan Diskusi Organik al Falah di 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Melalui KAPOK dan Diskusi Organik al Falah pelbagai info dapat dikongsi bagi mendedahkan kepentingan pertanian organik," katanya di sini.

Baru-baru ini program KAPOK dan Diskusi Organik al Falah diadakan di Dun Jelawat yang disertai 100 peserta.

Setiap peserta yang hadir pada program tersebut menerima anak pokok rambutan dan pokok jambu batu.

Tuan Mohd Saripudin juga berkata, menerusi KAPOK hasrat kerajaan negeri untuk menerapkan ilmu pertanian dan kempen menanam satu pokok satu keluarga dapat direalisasikan.

Maritim Malaysia temukan 765kg daging penyu salai untuk diseludup ke luar negara

KUDAT - Kira-kira 1,000 penyu dibunuh manakala dagingnya dikeringkan dipercayai untuk diseludup bagi memenuhi permintaan pasaran luar negara.

Bagaimanapun, aktiviti penyeludupan daging haiwan dari pada spesies terancam itu berjaya dipatahkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Kudat dalam Op Pluto Timur/Op Tiris di perairan Kampung Tajau Laut.

Pengarah Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Maurice Grenville Abeyaratne berkata, sepasukan anggota yang sedang melakukan rondaan mengesan sebuah bot sedang melakukan aktiviti mencurigakan pada jam 10.27 malam pada Selasa.

"Pasukan ronda kemudian bergerak ke lokasi, namun disebabkan keadaan air cetek menyukarkan anggota menghampiri bot berkenaan untuk diperiksa.

"Bagaimanapun, suspek yang menyedari kehadiran penguat kuasa bertindak melarikan diri dan meninggalkan puluhan guni di tepi pantai berkenaan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Katanya, aset dari darat diatur gerak ke lokasi untuk membuat pemeriksaan kerana bot ronda tidak dapat merapat ke pantai berikutan air surut.

"Hasil pemeriksaan menemui 51 guni berisi daging penyu kering dianggarkan seberat 765 kilogram (kg) dan daripada jumlah itu dianggarkan 1,000 penyu dibunuh.

"Selain itu, sebanyak 19 guni balat turut ditemui. Semua barang ditemui tidak sempat dipungkah masuk ke dalam bot dan dipercayai cuba diseludup ke luar negara," katanya.

Maurice berkata, nilai keseluruhan barang rampasan dianggarkan lebih RM500,000.

"Semua rampasan dibawa ke Pejabat Zon Maritim Kudat untuk siasatan lanjut," katanya.



Anggota Maritim Malaysia menunjukkan daging penyu dan balat ketika rondaan di perairan Kampung Tajau Laut, Kudat.

'Pesta' tangkap ikan kelisa sesat

Ikan hiasan bersisik emas dan putih turut dijadikan menu masakan

Oleh NOR AZURA MD AMIN KLUANG

Penduduk di Layang dan Simpang Renggam di sini tidak melepaskan peluang menangkap ratusan ikan kelisa dipercayai terlepas dari kolam takungan yang pecah sehingga tular di laman sosial. Malah, video aktiviti penduduk menangkap ikan berkenaan sejak Selasa mendapat perhatian ramai termasuk kaki pancing.

Bagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Sani, kejadian kira-kira jam 2 petang itu menyebabkan beberapa kawasan di Kampung Tengah diserbu orang ramai yang

mahu mendapatkan spesies ikan 'bangsawan' secara percuma.

Katanya, ia bagaikan 'pesta' apabila penduduk yang tinggal di kampung berdekatan turut menangkap ikan berkenaan.

Menurutnya, ia kali pertama berlaku sejak kewujudan perusahaan membela ikan bernilai tinggi.

Menerusi video tular, orang ramai dilihat menangkap ikan kelisa yang berkeliaran di anak sungai dan parit.

Malah, ada juga penduduk menjadikan ikan hiasan bersisik emas dan putih berharga ribuan ringgit itu sebagai menu masakan.



Ikan kelisa bernilai ribuan ringgit yang berjaya ditangkap dijadikan hidangan penduduk.

DO YOU KNOW ...

about

...rawai fishing?



- Rawai, also known as longline fishing, is a traditional fishing technique in Malaysia.
- This method involves setting out a long main line with numerous baited hooks attached at intervals.
- The main line can be set horizontally near the surface or along the seabed depending on the target fish species.
- The baited hooks are spaced along the line, which can be several kilometres long.
- Rawai fishing in Malaysia targets various species, including tuna, snapper, grouper, and other pelagic and demersal fish.
- This method is versatile and can be used in different marine environments, from coastal waters to deep-sea fishing grounds.
- Fishermen use durable lines made of nylon or other strong materials, and the hooks are baited with fish, squid or other attractants.
- The lines can be deployed and retrieved manually or with the help of mechanised equipment on larger boats.
- While rawai fishing is less destructive than some other fishing methods such as trawling, it still poses risks to marine ecosystems.
- Bycatch, the unintentional capture of non-target species, such as sea turtles, sharks and seabirds, is a significant concern.
- Efforts to reduce bycatch include using circle hooks, making it less likely to be swallowed by non-target species and setting lines at less frequented depths.
- Rawai fishing is a traditional fishing method passed down through generations in many of Malaysia's coastal communities.
- It remains a crucial aspect of Malaysia's fishing industry, balancing traditional practices with modern sustainability efforts.

Oceans
of Malaysia

Text by Edoine Ojima